



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	10/7/2021 (SABTU)	MUKA SURAT	:	20
JABATAN	:	JPNP			

Oleh Mohd Rafi Mamat
am@metro.com.my

Bentong

Sehingga kelmarin, lebih 52 hektar kebun durian musang king yang ditanam secara haram di Hutan Simpan Batu Talam, Raub sudah dimusnahkan.

Pengarah Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (JPNP), Datuk Dr Mohd Hizamri Mohd Yasin berkata, pihaknya akan menggerakkan lebih ramai kakitangannya untuk melakukan penebangan pokok itu dalam tempoh Operasi Pamah yang dirancang hingga 2 Ogos.

"Kami ingin memastikan Operasi Pamah ini dapat diselesaikan lebih awal daripada yang dirancang sebelum kerja menanam semula pokok hutan dilakukan.

"Hampir semua kakitangan pejabat di negeri ini membantu melancarkan operasi," katanya.

Operasi Pamah berkuat kuasa pada 3 Julai lalu selepas mendapat perintah untuk memusnahkan 101 hektar kawasan hutan simpan yang diceroboh untuk penanaman pokok durian.

Bagaimanapun, operasi hari kedua dan ketiga ter-



SEORANG kakitangan Jabatan Perhutanan Negeri Pahang memotong pokok durian musang king dalam Operasi Pamah yang dilakukan jabatan itu sejak 3 Julai lalu.

KEBUN HARAM MUSANG KING

52 HEKTAR BERES!

Lebih separuh tanaman diusahakan penceroboh dimusnah

ganggu berikutan provokasi dilakukan sekumpulan individu dipercayai pekebun durian, menyebabkan anggota Pasukan Gerakan Am (PGA) ditugaskan untuk mengawal ketenteraman.

Mengenai kawalan itu, Timbalan Ketua Polis Pahang, Datuk Mohd Yusri

Hassan Basri berkata, keadaan di kawasan operasi tenang dan keselamatan penguat kuasa serta kakitangan JPNP terjamin.

"Saya turun ke Raub untuk melihat keadaan sekitar bandar, kawasan mahkamah dan kawasan operasi, yang berada dalam keadaan

baik, tenteram serta penduduk menjalani kehidupan seperti biasa," katanya pada Program Ops Bantu di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Bentong di sini.

Menurutnya, kira-kira 60 anggota PGA berkawal di kawasan berkenaan termasuk mengadakan dua Sekatan

Jalan Raya (SJR) di laluan masuk ke tapak operasi.

"Kami mengingatkan mana-mana individu agar tidak menceroboh kawasan itu atau melakukan provokasi kerana tindakan tegas akan diambil. Jangan cuba untuk menimbulkan kekecohan," katanya.